



**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA PADA 9 OGOS 2022 (SELASA)**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB atau Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan pendaftaran tersebut perlu sah tempohnya sekurang-kurangnya **TIGA (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga bagi menyertai sebut harga berikut:-

Tajuk Sebut Harga	Harga Dokumen	Kod Bidang Pendaftaran	Catatan
<b>Sebut Harga: PKwNS/SH/02/2022</b>  Kerja-Kerja Penyelenggaraan Berkala Alat Penghawa Dingin Di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.	<b>RM30.00</b>	<b>CIDB - G1 – M01</b> Sistem Penghawa Dingin  <b>Atau</b>  <b>MOF - 220301</b> Penyelenggaraan/ Pembaikan Alat Hawa Dingin  Alat Hawa Dingin (window/split/ berpusat)	Tarikh Penjualan Dokumen: <b>10-17 Ogos 2022</b>  Masa: <b>9.00 pagi – 3.30 petang</b>  Tempat: <b>Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri, Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus</b>  Tarikh Tutup Sebut Harga: <b>17 Ogos 2022 (Rabu)</b>

Dokumen tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari pada 17 Ogos 2022 (Rabu)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (<http://pkwns.ns.gov.my>). Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh diantara satu (1) bulan hingga tiga (3) bulan selepas tarikh tutup sebut harga. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Laman sesawang PKwNS adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga tersebut.